

**TEKS UCAPAN DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
SEMPENA THE MALAY MAIL BIG WALK PRINCESS DI HOTEL CROWN,
KUALA LUMPUR
06 SEPTEMBER 1993**

Terlebih dahulu, saya mengucapkan terima kasih kepada pihak pengurusan The New Straits Times Press (M) Berhad kerana sudi melantik saya sebagai Penaung Pertandingan Amal Malay Mail VIP Charity Walk, yang dianjurkan sempena The Malay Mail Big Walk.

2. Kepada peminat sukan tanahair, The Malay Mail Big Walk memang sudah terkenal. Setiap kali ianya diadakan, sambutan daripada orangramai adalah sangat menggalakkan. Saya yakin acara big walk ini akan menyumbang ke arah mewujudkan rakyat Malaysia yang lebih sihat.

3. Saya diberitahu pertandingan The Malay Mail Big Walk ini adalah juga bagi menyambut ulangtahunnya yang ke-33 dan buat julung kalinya VIP Charity Walk ini telah diadakan. Saya mengucapkan tahniah kepada pihak penganjur kerana semua hasil kutipannya akan disalurkan kepada Projek Badminton 98.

4. Sungguhpun bayaran penyertaan bagi VIP Charity Walk adalah RM1,000 bagi penyertaan Badan Korporat, dengan diwakili oleh empat orang peserta, manakala penyertaan secara individu dikenakan bayaran RM200, setiap peserta menerima pakaian track-suit dan sijil penyertaan.

5. Saya berbangga dengan sokongan yang diberikan oleh para peserta, sama ada daripada kalangan korporat atau orang perseorangan, kepada VIP Charity Walk ini. Penyertaan tuan-tuan dan puan-puan tentu dapat menjalinkan hubungan yang rapat antara satu dengan lain. Dengan secara tidak langsung, acara seperti ini akan membantu memupuk semangat muhibah di kalangan rakyat Malaysia, di samping menyumbang derma. Saya harap ramai lagi sektor Korporat akan bersama-sama menyertai Malay Mail Big Walk ini.

6. Akhir sekali, saya mengambil kesempatan ini untuk menyampaikan penghargaan kepada The New Straits Times Press kerana daya usahanya dalam membantu menjayakan Projek Badminton 98.

Sekian.